

03 AUG 2001

Hishammuddin-Sosial

KEMENTERIAN MINTA PERUNTUKAN LEBIH DALAM BELANJAWAN 2002

MELAKA, 3 Ogos (Bernama) -- Kementerian Belia dan Sukan akan meminta kerajaan menyediakan peruntukan lebih kepada kementerian itu pada pembentangan Belanjawan 2002 Oktober ini bagi menangani masalah gejala sosial yang melibatkan remaja dan belia.

"Kita berharap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mempertimbangkan permintaan itu dalam usaha kerajaan menangani masalah sosial di kalangan belia," kata Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein selepas merasmikan Karnival Sukan Untuk Semua (Kesuma) ketiga di Dataran Sejarah, Air Keroh di sini, hari ini.

Beliau berkata kerajaan memandang serius masalah sosial di kalangan belia dan kementerian telah merangka pelbagai program untuk memberi kesedaran kepada golongan berkenaan termasuk mengadakan kerjasama dengan kementerian lain bagi menangani masalah itu.

"Gejala sosial tidak boleh ditangani oleh kerajaan semata-mata, penglibatan semua pihak terutama golongan yang terbabit perlu agar masa yang terluang di kalangan mereka diisi dengan program yang dirancang itu," katanya.

Pada majlis itu, beliau turut menerima memorandum daripada Belia 4B Malaysia yang dicapai pada Konvensyen Barisan Bertindak Menangani Jenayah Sosial peringkat negeri Ahad lepas, disampaikan oleh Pengerusinya Idris Haron.

Antara lain, memorandum mengusulkan agar hukuman lebih berat kepada pengedar bahan lucah dan pengamal Black Metal selain tidak membenarkan sebarang bentuk konsert rock heavy metal berunsurkan kekerasan di negara ini.

Selain itu, memorandum berkenaan turut meminta hukuman mandatori gantung sampai mati dikenakan ke atas perogol walaupun perogol itu adalah juvana.

Mengenai Kesuma, Hishammuddin berkata karnival berkenaan adalah untuk memastikan acara sukan yang diadakan itu diikuti oleh masyarakat di peringkat akar umbi tanpa mengira bangsa, agama, peringkat usia dan pekerjaan.

Beliau berkata Malaysia akan menjadi tuan rumah bagi Sukan X-Games Asia untuk tahun 2002, 2003 dan 2004 dalam usaha mengetengahkan sukan lasak itu di negara ini.

Seramai 50,000 orang terlibat dan mengambil bahagian dalam Kesuma kali ini yang disertai oleh wakil-wakil dari seluruh negara termasuk Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM).

Sukan selama lima hari itu mempertandingkan empat acara utama iaitu sepak takraw, bola jaring, bola tampar dan futsal selain 12 acara terbuka antaranya pentaque, mendaki tembok tiruan, catur, memanah, bola tampar pantai, karom, boling padang serta 13 acara demonstrasi.

-- BERNAMA

SBS AKD